

UACAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN AMANAH SAHAM KEDAH

TEMPAT: WISMA DARUL AMAN, KEDAH

TARIKH: 27 FEB 1995

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana menjemput saya untuk melancarkan Amanah Saham Kedah (ASK) pada hari ini. Seperti yang kita ketahui hari ini adalah hari yang ke-27 umat Islam menunaikan ibadat puasa. Di samping merebut peluang mengerjakan ibadat untuk akhirat, kita juga tidak harus lupa tanggungjawab duniawi untuk membangunkan ummah.

2. Pelancaran ASK, yang mana pelaburannya adalah berlandaskan Syariah Islam, adalah bertepatan dengan bulan Ramadan. ASK juga dilahirkan tepat pada masanya, di tengah-tengah kepesatan pembangunan ekonomi negara yang mendapat perhatian dunia, lebih-lebih lagi di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Serentak dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menggalakkan, ekonomi Negeri Kedah juga turut berkembang dengan baik. Negeri Kedah yang mempunyai kedudukan strategik di dalam Segitiga Pertumbuhan -- Indonesia, Malaysia dan Thailand atau IMT-GT, memberikannya peluang untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan dan dengan itu turut menikmati kemakmuran yang dihasilkan. Justeru itu, adalah wajar sekali hasil kemakmuran yang ada hari ini diagihkan kepada semua lapisan masyarakat, terutama golongan Bumiputera yang tidak berpeluang menyertai bidang pelaburan yang memerlukan modal yang besar.

3. Melalui ASK, golongan berpendapatan rendah mampu menyertai bidang pelaburan yang serba canggih hanya melalui pelaburan permulaan sebanyak RM10. Wang pelaburan sekecil RM10 ini, apabila dikumpulkan dari seluruh pelusuk Negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya, pasti akan mencapai matlamat RM200 juta.

4. Pelancaran ASK adalah lanjutan daripada usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran dan bidang kewangan. Kita telah menyaksikan kejayaan Bank Islam yang ditubuhkan kira-kira 11 tahun yang lalu yang pada mulanya menerima ejekan dan tohmahan daripada golongan tertentu. Kita juga telah melihat bagaimana sejak kebelakangan ini kepercayaan masyarakat kepada Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) semakin tinggi apabila sudah

lebih daripada 30 institusi kewangan menubuhkan Sistem Perbankan Islam. `Trend' ini dilanjutkan lagi dengan penubuhan tabung-tabung Amanah Saham yang pelaburannya berlandaskan Islam. Kerajaan tidak hanya melaungkan slogan-slogan kosong tanpa tindakan yang mencerminkan kepercayaan yang diperjuangkan. Pelancaran ASK adalah satu lagi bukti kesungguhan Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam. Dalam pada itu, cara pelaburan ASK juga mementingkan pengagihan kekayaan yang adil dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, bahkan meningkatkan taraf ekonomi bangsa dan agama.

5. Dengan pelancaran ASK, sepertimana amanah-amanah saham yang lain, amalan menabung di kalangan rakyat dapat digalakkan lagi bagi menghindarkan pembaziran serta mengawal kadar inflasi pada tahap yang minima. Ini akan membantu hasrat Kerajaan ke arah `zero inflation' atau inflasi sifar. Jika kita lihat kembali sejarah Islam, amalan menabung dan berhati-hati di dalam perbelanjaan ini, telah dimulakan sejak zaman Nabi Yusuf lagi. Ketika negeri Mesir mengecap kemakmuran selama tujuh tahun, Nabi Yusuf yang menyelia perbendaharaan negara, mengarahkan supaya simpanan dibuat untuk menghadapi kemungkinan kemarau tujuh tahun akan datang. Amalan menabung seperti ini adalah satu dasar yang penting dalam Islam bagi menjamin kesinambungan kemakmuran negara. Melalui pelaburan di dalam ASK, pelabur dapat mengamalkan kaedah `menabung hari ini untuk masa depan yang cemerlang'.

6. Jika diperhatikan kepada perkembangan penabungan menerusi saham-saham amanah, bolehlah dikatakan industri ini adalah satu industri yang sedang berkembang di negara kita. Namun begitu di Malaysia skim sebegini hanya mewakili peratusan yang kecil sahaja, iaitu kira-kira 6.5 peratus daripada jumlah modal pasaran saham, jika dibandingkan dengan negara-negara tertentu yang telah lama melaksanakan skim amanah ini secara aktif di mana peratusannya mencapai 50 peratus daripada modal pasaran saham. Usaha yang lebih giat perlu dijalankan untuk menggalakkan pelaburan di dalam saham-saham amanah terutama yang disokong oleh Kerajaan. Langkah positif perlu dimulakan oleh organisasi dan institusi yang berkemampuan bagi mendokong cita-cita ini.

7. Dalam hubungan ini saya ingin mengingatkan pengurus-pengurus dana saham amanah supaya lebih berhati-hati dan teliti dalam memilih bidang pelaburan agar pulangan dalam jangka panjang lebih menguntungkan. Amalan mengambil untung dalam masa yang singkat perlu dihindarkan kerana ia menanggung risiko yang tinggi. Jangan hanya ghairah menurut rentak spekulasi dan khabar angin yang berlebihan tanpa mengkaji terlebih dahulu sesuatu berita. Setiap fakta yang diperolehi hendaklah dikaji dan dianalisa dengan teliti sebelum sesuatu keputusan pelaburan dibuat. Dengan kecanggihan sistem maklumat dan sistem analisa berkomputer serta sistem perhubungan yang `reliable', semua keputusan pelaburan dapat dibuat dengan lebih teratur, lebih strategik dan lebih tepat. Ciri-ciri pengurusan dana saham

amanah berlandaskan Islam perlu dikekalkan. Pihak pengurusan perlulah jujur, ikhlas, beriltizam di dalam khidmat serta tidak mengambil kesempatan peribadi, demi menjayakan hasrat asas pelaburan, iaitu pulangan yang munasabah serta pengagihan kekayaan negara secara adil. Namun begitu, saya percaya pihak pengurusan Amanah Saham Kedah adalah kumpulan profesional dan berwibawa serta mampu mendokong hasrat murni ini.

8. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim melancarkan Amanah Saham Kedah.
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.